



## **PENILAIAN PROGRAM**

### **BICARA INTERAKTIF KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA WARGA KERJA JKM**



**13 November 2018**  
**Dewan Perdana, PLPP Bangi**

Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat





## TUJUAN

Program bicara interaktif ini merupakan satu medium yang penting bagi memastikan hasrat dan aspirasi Jabatan dapat dicapai dan dikongsi bersama. Program ini diatur dalam bentuk perkongsian ilmu dan pengalaman daripada pengurusan tertinggi Jabatan bersama moderator yang telah dilantik. Selain itu, pengisian program termasuklah pameran, penyampaian produk inovasi harta intelek JKM dan watakah kenaikan pangkat kepada kakitangan yang berkaitan.



## PENGENALAN

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Bahagian Kawalan Standard (KS) telah dipertanggungjawabkan bagi menganjur majlis Perjumpaan KPKM bersama warga kerja JKM mengikut zon pada setiap tahun. Pada kali ini, program diatur dalam bentuk sesi bicara interaktif.

Pelaksanaan program adalah selaras dengan Perancangan Strategik JKM 2016-2020, iaitu “JKM komited untuk mengamalkan budaya organisasi berprestasi tinggi melalui penyediaan persekitaran kerja yang kondusif dan budaya kerja yang positif serta mempertingkatkan motivasi kakitangan demi mempertingkatkan kecemerlangan organisasi dan penyampaian perkhidmatan Jabatan”.

Bicara interaktif ini diadakan bagi membolehkan pegawai-pegawai dan warga kerja JKM menyalurkan permasalahan yang dihadapi untuk tindakan pengurusan atasan dan perkongsian pengalaman ‘*best practice*’ di antara kedua belah pihak.



## OBJEKTIF

Menyediakan platform untuk pegawai JKM menghayati aspirasi dan hasrat pucuk pimpinan tertinggi Jabatan dalam usaha memartabatkan perkhidmatan sosial yang profesional dan dihormati.

Platform perbincangan dua hala melibatkan pengurusan tertinggi dan warga kerja JKM berkaitan perkhidmatan Jabatan, tadbir urus dan isu-isu semasa.

Memberi peluang kepada pegawai berkumpul dan berjumpa untuk bertukar pendapat dan pandangan sesama mereka.

## PESERTA

289 orang

Jemputan dan peserta



264 orang


Hadir dan berdaftar

Seramai 289 orang disasarkan dan kehadiran sebenar adalah **264 (91%) orang**. Pendaftaran telah dilaksanakan melalui sistem iEMG. Jemputan dan peserta merangkumi pengurusan tertinggi, pengarah-pengarah bahagian, pengarah kebajikan masyarakat negeri, penerima watakah pelantikan kenaikan pangkat, pemegang Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial DPSKS daripada Kohort 1 hingga Kohort 3, kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan kumpulan pelaksana I dan II.

## PUNCA KUASA & IMPLIKASI KEWANGAN

Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan Bahagian 1 Perkara 1.23 Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 2007 Panduan Pengurusan Pejabat yang menyatakan bahawa Ketua Jabatan di Peringkat Persekutuan hendaklah sentiasa mengekalkan hubungan baik dengan agensi di Peringkat Negeri atau Daerah bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan aktiviti. Program ini telah dimasukkan dalam Takwim JKM 2018 yang diluluskan dalam MKB Bil. 1/2018 pada 12 Januari 2018.


Perbelanjaan program menggunakan peruntukan OS29000 Bahagian Kawalan Standard sebanyak RM8,300.00 dan OS21000 sebanyak RM52,505.00.



Perbelanjaan yang dilaksanakan di bawah OS29000 adalah sebanyak RM 8,300.00 (88%) daripada jumlah keseluruhan RM 9,440.00 yang diluluskan adalah untuk makan minum peserta dan juru bahasa isyarat.




Perbelanjaan di bawah OS21000 yang disalurkan kepada JKMN Sarawak sebanyak RM24,000.00 dan JPKA Sabah sebanyak RM28,505.00 bagi tujuan TNT kakitangan masing-masing seramai 15 orang setiap negeri.

## METODOLOGI PENILAIAN



# PENILAIAN & PEMERHATIAN


Pihak urus setia telah menerima 103 (39%) maklum balas borang penilaian berbanding 264 kakitangan yang telah hadir dan berdaftar. Analisis maklum balas borang penilaian adalah seperti di bawah:






Analisis berdasarkan graf Bilangan Hadir (berdaftar) vs. Maklum Balas mendapati peratusan tertinggi kehadiran dan maklum balas diterima adalah daripada JKMN Melaka (92%). Penyertaan tertinggi keseluruhan adalah daripada JKM ibu pejabat Putrajaya seramai 64 orang manakala bagi negeri adalah JKMN Selangor seramai 26 orang.


Analisis berdasarkan borang maklum balas diterima, 71 (69%) orang yang hadir adalah daripada kumpulan pelaksana I dan II (gred 1-40) yang telah berkhidmat dalam tempoh 6 tahun hingga 15 tahun.



97% (100 orang) peserta bersetuju bahawa tiga objektif utama kursus telah tercapai dengan memberi penilaian 3 bintang hingga 4 bintang.




Majoriti peserta memberi 4 dan 3 bintang pada setiap sesi yang dilaksanakan iaitu 98% sesi 1, 97% sesi 2 dan 99% sesi 3. Ini menunjukkan bahawa setiap sesi yang dilaksanakan telah memberi banyak input dan kesan kepada peserta. Perkongsian maklumat dalam sesi interaktif didapati jelas dan pengisiannya adalah bertepatan dengan kehendak peserta. Panel iaitu TKPS, TKPO dan KPKM serta moderator didapati berjaya mewujudkan dan mengekalkan perhatian/fokus peserta di sepanjang program berlangsung. Sesi ketiga bersama KPKM mendapat *rating* yang tinggi daripada peserta kerana ruang platform berinteraksi dengan KPKM adalah amat dinantikan.



Keseluruhannya, majoriti peserta berpuas hati dan memberi rating 4 bintang bagi kemudahan fasiliti, makan minum dan alat bantu (sistem teknikal) yang disediakan oleh pihak urus setia.

Walau bagaimanapun, para peserta melaporkan kurang berpuas hati terhadap kemudahan tandas yang didapati perlu dinaiktaraf dan ditambah baik. Terdapat tandas wanita yang rosak dan tidak boleh digunakan. Justeru, kemudahan tandas di PLPP perlu diberi keutamaan dalam penyediaan fasiliti yang kondusif kepada peserta dan penghuni institusi sendiri.



Penilaian keseluruhan mendapati peserta program amat berpuas hati dan 99% telah memberi *rating* 4 bintang dan 3 bintang. Peserta juga turut memberi maklum balas pemilihan moderator dan topik yang dibincangkan adalah sangat baik dan bersesuaian. Interaksi antara penceramah dan moderator telah mewujudkan suasana yang harmoni. Terdapat cadangan tambah baik yang telah diusulkan oleh peserta antaranya:

- i. bicara interaktif diteruskan melalui pelaksanaan di negeri-negeri atau daerah-daerah dengan lebih kerap;
- ii. urus setia dapat menyediakan nota tambahan yang dibentangkan oleh panel kepada peserta untuk rujukan ketika program;
- iii. dilaksanakan mengikut gred dan skim yang bersesuaian memandangkan terdapat pelbagai skim supaya panel dapat memberi fokus kepada isu-isu yang berbangkit dalam skim yang tertentu;
- iv. tempoh soal jawab dan sesi program dipanjangkan;
- v. dikurangkan bilangan slaid;
- vi. sistem bunyi dan alat bantu yang lebih baik; dan
- vii. disediakan tempat menjamu selera yang lebih selesa.



## RUMUSAN SEPANJANG PROGRAM

### Objektif Dicapai

Peserta **dapat memahami objektif** pelaksanaan program, mendapat pengetahuan dan memahami hasrat pucuk pimpinan tertinggi dalam memastikan kerja sosial menjadi satu bidang yang profesional dan disegani. Pencerahan isu-isu dan permasalahan peserta dapat dijawab oleh panel-panel.

### Topik Perbincangan yang Relevan

**Topik** yang dikongsi oleh panel pada setiap sesi adalah amat **bersesuaian** dengan peserta yang hadir. Pada sesi 1 panel membincangkan mengenai Amalan Kerja Sosial dalam perkhidmatan JKM dan pada sesi 2 panel membincangkan mengenai Penyampaian Perkhidmatan JKM kepada golongan sasar.

### Keyakinan dan Penglibatan Peserta

Peserta menunjukkan minat dan **penglibatan yang baik** di dalam sesi interaktif. Pelbagai soalan serta cadangan yang diusulkan daripada pelbagai gred dan skim. Ini juga membuktikan **keyakinan peserta** dalam berinteraksi bersama pengurusan tertinggi dan di hadapan warga kerja JKM yang lain.

### Ilmu dan Pengalaman

**Ilmu pengetahuan dan pengalaman serta sejarah Jabatan** yang dikongsi oleh panel-panel dapat dijadikan panduan dan motivasi oleh warga kerja JKM pada masa akan datang.



## PENUTUP

- Bicara interaktif ini merupakan satu inisiatif yang baik dan patut diteruskan di setiap peringkat bahagian, negeri, daerah dan institusi. Platform ini membolehkan warga kerja JKM berkongsi permasalahan, mengusulkan cadangan dan isu-isu yang timbul di peringkat pentadbiran pejabat masing-masing kepada pengurusan yang lebih tinggi.
- Pelaksanaan bicara interaktif ini diharapkan dapat memberi impak yang berkesan dalam memberi lonjakan paradigma memajukan diri warga kerja JKM bagi mencapai visi dan misi Jabatan.

Disediakan oleh,

**Bahagian Kawalan Standard**

Tarikh: 28 November 2018

## LAMPIRAN 1

**ATUR CARA PROGRAM  
BICARA INTERAKTIF KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI  
BERSAMA WARGA KERJA JKM  
BERTEMPAT DI DEWAN PERDANA, PLPP BANGI  
PADA 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

Masa	Agenda
<b>8.00 pg</b>	Pendaftaran dan sarapan pagi
<b>8.30 pg</b>	❖ Bacaan doa oleh: Encik Sarifuddin bin Sairi
<b>8.45 pg – 10.30 pg</b>	❖ Sesi Bicara Interaktif Bersama <b>Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)</b> <b>Pn. Rosmahwati binti Ishak</b> Moderator: Encik Mohd Azahari bin Mohd Daut dan Encik Khairul Amri bin Ahmad
<b>10.30 pg – 11.00 pg</b>	Minum pagi
<b>11.00 pg – 12.45 tgh</b>	❖ Sesi Bicara Interaktif Bersama <b>Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)</b> <b>En. Zulkifli bin Ismail</b>  Moderator: Encik Muhammad Yusry bin Che Dah
<b>12.45 tgh – 2.30 ptg</b>	Makan tengah hari / Solat
<b>2.30 ptg - 4.30 ptg</b>	❖ Nyanyian lagu Negaraku dan lagu “Bersatu Untuk Kebajikan” ❖ Bacaan Doa oleh Encik Sarifuddin bin Sairi  ❖ Sesi Penutup Bicara Interaktif KPKM dan Pengurusan Tertinggi Bersama Warga Kerja JKM oleh: <b>Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat</b> <b>YBrS. Tuan Haji Mohd Fazari bin Mohd Salleh</b>  Moderator : Puan Siti Fatimah bt Ismail  ❖ Penyampaian Produk Inovasi, Harta Intelek JKM ❖ Penyerahan Watikah Kenaikan Pangkat Pegawai Pembangunan Masyarakat
<b>4.30 ptg</b>	Minum petang & Bersurai

## LAMPIRAN 2

### GAMBAR PELAKSANAAN BICARA INTERAKTIF KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA WARGA KERJA JKM



## LAMPIRAN 3

**BORANG PENILAIAN  
BICARA INTERAKTIF KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI  
BERSAMA WARGA KERJA JKM  
BERTEMPAT DI DEWAN PERDANA, PLPP BANGI  
PADA 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)**

1. Nama: \_\_\_\_\_
2. Negeri : \_\_\_\_\_
3. Gred jawatan **(Sila tandakan √ )**

54 & ke atas		45 – 52		41- 44		19-40		1-16	
--------------	--	---------	--	--------	--	-------	--	------	--

4. Jumlah tahun berkhidmat **(Sila tandakan √ )**

1- 5 tahun		6–10 tahun		11 –15 tahun		16 – 20 tahun		>20tahun	
------------	--	------------	--	--------------	--	---------------	--	----------	--

**Penilaian program (Sila tandakan √ )**

Bil	Perkara	★ ★ ★ ★	★ ★ ★	★ ★	★
1.	Adakah objektif program tercapai? i. Menyediakan platform untuk pegawai JKM menghayati aspirasi dan hasrat pucuk pimpinan tertinggi Jabatan dalam usaha memartabatkan perkhidmatan sosial yang professional dan dihormati; ii. platform komunikasi dua hala berkaitan perkhidmatan Jabatan dan tadbir urus; dan iii. peluang pegawai berkumpul bertukar pendapat dan pandangan.				
2.	Penilaian sesi I.				
3.	Penilaian sesi II				
4.	Penilaian sesi III				
5.	Kemudahan fasiliti yang disediakan.				
6.	Makan minum sepanjang program dilaksanakan.				
7.	Alat bantu (projektor, slaid, sistem bunyi).				
8.	Penilaian keseluruhan program.				
9.	Ulasan dan cadangan:				

**Sila serahkan borang penilaian kepada pihak urus setia selepas program.**

*Terima kasih atas kerjasama anda*

## LAMPIRAN 4

### MAKLUM BALAS BORANG PENILAIAN

BIL	NEGEI	GRED JAWATAN					TAHUN BERKHIDMAT					OBJEKTIF				SESI 1				SESI2				SESI 3				KEMUDAHAN				MAKAN MINUM				ALAT BANTU				KESELURUHAN				
		54	45-52	41-44	19-40	1-16	5	10	15	20	>20	4	3	2	1	4	3	2	1	4	3	2	1	4	3	2	1	4	3	2	1	4	3	2	1	4	3	2	1					
1	PRK				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
2	PRK				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
3	T'ganu		1							1				1				1				1				1					1					1					1			
4	Perlis			1						1				1				1				1				1					1					1					1			
5	KLNTAN				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
6	HQ				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
7	MELAKA				1					1	1			1				1				1				1					1					1					1			
8	KDH				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
9	SABAH				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
10	P.P				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
11	HQ		1							1	1			1				1				1				1					1					1					1			
12	HQ		1							1	1			1				1				1				1					1					1					1			
13	N9				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
14	N9			1						1				1				1				1				1					1					1					1			
15	Perlis				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
16	JOHOR				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
17	JOHOR				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
18	MELAKA				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
19	MELAKA				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
20	Sigor				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
21	MELAKA				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
22	MELAKA				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
23	PRK				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
24	Sigor				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
25	PHG				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
26	PHG				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
27	Sigor				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
28	MELAKA				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
29	PHG				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
30	MELAKA				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
31	T'ganu				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
32	T'ganu				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
33	T'ganu				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
34	T'ganu				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
35	T'ganu				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
36	T'ganu				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
37	S'WAK				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
38	S'WAK				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
39	P.P				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
40	JOHOR				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
41	KDH				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
42	KLNTAN				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
43	KLNTAN				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
44	S'WAK				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
45	S'WAK				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
46	N9				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
47	N9				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
48	JOHOR				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
49	Sigor				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
50	Sigor				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
51	KL				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
52	S'WAK				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
53	S'WAK				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
54	N9				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
55	Sigor				1					1				1				1				1				1					1					1					1			
56	Sigor				1					1				1				1				1				1					1					1					1			





## **Q&A BICARA INTERAKTIF KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA WARGA KERJA JKM**

### **SESI BICARA 1: TKP (S)**

#### **En Quek Kia Ann, KPPK KK**

CCNCPU telah dibina sejak 5 tahun untuk melaksanakan kerja-kerja perlindungan kanak-kanak. Ramai telah dilatih secara teori praktikal. Kini terdapat 30 master trainer dan 60 Pelindung telah dilatih. Yang menjadi isu sekarang adalah pegawai yang dilatih telah ditukar dan membuat perkhidmatan lain. Apakah perancangan berkenaan projek CCNCPU?

#### **Pengalaman Trainer CCNCPU:**

##### **Norhasra Hassan, PKMD Kuala Terengganu**

Telah mempunyai pengalaman dibawah CCNCPU. JKM telah berjaya membangunkan kanak-kanak, keluarga dan komuniti setempat di bawah projek CCNCPU. Pegawai mempunyai kekangan masa kerana untuk melayan satu kes akan mengambil masa 5 – 6 bulan. Banyak usaha mengulangkaji, pemantauan dan intervensi dibuat secara berterusan. Walau bagaimanapun, beliau amat menyokong projek ini. CCNCPU telah dapat melibatkan setting sosial dalam komuniti dan seterusnya dapat meningkatkan kesedaran di kalangan ahli komuniti.

##### **Norafzan bin ABd Ghani dari PKMD Petaling**

CCNCPU amat baik untuk dilaksanakan dalam JKM. Ia amat berstruktur dengan pelan tindakan kes dan seliaan. Hanya mempunyai kekangan adalah nisbah pegawai dengan kes. Di daerah besar, Pegawai Akhlak juga menjalankan tugas sebagai Pelindung.

Dicadangkan agar perlu ditubuhkan pasukan yang dilatih khusus untuk melaksanakan kes perlindungan kanak-kanak.

Dicadangkan agar CCNCPU dapat didokumenkan seperti ISO.

*Centralised Training* – latihan dibuat secara in-situ dan perbanyakkan konferen kes.

#### **Maklum Balas TKP(S)**

- Kadangkala pertukaran pegawai terpaksa dibuat atas dasar kepentingan jabatan.
- Konsep CCNCPU bukan sahaja boleh diterapkan dalam bidang perlindungan kanak-kanak tetapi juga di bidang lain seperti warga emas dan OKU.

### **Encik Mohd Al Hafiz Hamzah – BKK JKM**

JKM perlu memperbanyakkan usaha merekayasa atau *business process reengineering* (BPR).

Dicadangkan agar JKM boleh membuat penempatan kakitangan berasaskan kepada beban tugas sesuatu daerah dan kawasan.

Pegawai-pegawai kita juga perlu lebih banyak dihantar berkursus pengurusan dan kewangan bagi memantapkan kualiti pengurusan organisasi.

#### **Maklum Balas TKP(S)**

- MAMPU sedang dan akan buat kajian pengurusan organisasi JKM pada 26/11/2018 hingga Mac/April 2019 yang meliputi kajian menyeluruh JKM.
- Contoh BPR dalam JKM adalah siasatan dan kelulusan perkhidmatan bantuan kewangan JKM.
- Penstrukturan semula JKM sedang dibuat dengan mengambil kira lokasi, bebanan kes dan norma kes.

### **Rozita Ibrahim – Kedah**

Perlu ditentukan bahagian mana dalam perkhidmatan yang diberikan dapat dijalankan proses kerja sosial.

#### **Maklum Balas TKP(S)**

- Proses kerja sosial telah diterapkan dalam manual atau SOP atau CMS yang telah dikemaskini. NOSS Kerja Sosial juga telah diluluskan baru-baru ini.

### **Syed – Selangor**

Perlu ada akta yang boleh menentukan seseorang itu sebenarnya seorang yang professional dalam bidang tugas mereka.

#### **Maklum Balas TKP(S)**

- RUU Profesyen Kerja Sosial telah digubal dan setelah dikuatkuasa kelak akan mengawal pendaftaran dan perakuan amalan pekerja sosial.
- Ia adalah untuk memastikan praktis kerja sosial dilaksanakan secara beretika, berkualiti dan professional.

## **Norhafizah - RKK Kuantan**

### **Profesionalisma Kerja Sosial:**

Memandangkan telah ramai pegawai dilatih dalam bidang kerja sosial, dicadangkan agar penempatan pegawai tersebut dibuat atas asas kompetensi pegawai tersebut.

Tiada modul khas di RKK dan RSK. Maka, dilihat perkhidmatan untuk meningkatkan kefungsian kumpulan sasar tidak dapat dilaksanakan.

### **Maklum Balas TKP(S)**

- Dalam kerja sosial, kompetensi pegawai boleh jadi pelbagai dan dapat dilaksanakan di pelbagai setting. Hanya apabila seseorang itu mempunyai kepakaran, penempatan pegawai tersebut akan dikhususkan.
- Profiling pegawai sedang dalam proses pelaksanaan dan akan dijadikan asas untuk menentukan corak latihan dan pusingan kerja yang sesuai dengan personaliti dan diri pegawai tersebut.
- CMS CCNCPU dan 2YEP telah distrukturkan dan dikatikan dengan model kerja sosial.

## **Mohd Syukri Taharem – Bahagian DHA JKM**

Pegawai kes terutamanya pegawai kes bantuan masih bergelut dengan isu pelaksanaan intervensi kerja sosial yang perlu dibuat.

Sebagai pekerja sosial, kita perlu ada surat keizinan melaksanakan kerja sosial dengan klien sbg kontrak sosial.

Kita juga mesti terus berusaha mempraktikkan proses *assessment* atau penilaian kes bagi memastikan intervensi kerja sosial dapat dilaksanakan dengan baik.

Persoalannya, adakah kita sebagai pekerja sosial telah bersedia untuk menerima Akta Profesyen Kerja Sosial apabila didikuatkuasakan kelak?

### **Penutup**

Teruja dengan kerjasama semua warga kerja dalam sesi ini terutama dalam aspek kerja sosial dalam usaha melahirkan pekerja sosial yang kompeten.

Oleh yang demikian, pekerja sosial perlu bersiap sedia diri untuk menjadi pekerja sosial kompeten dan perlu mula mempraktikkan kerja sosial.

## Q&A BICARA INTERAKTIF KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI BERSAMA WARGA KERJA JKM

### SESI BICARA 2: TKP (O)

#### Rozita – JKMN Kedah

Mencadangkan dikenalpasti agar JKM dapat mewujudkan Bahagian R&D yang mana pegawai-pegawai yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi akan melaksanakan kajian dan penilaian Indeks Kualiti Kawalan Standard samada mengambil contoh dari dalam dan luar negeri.

#### Maklum Balas TKP(O)

- Semua agensi telahpun mempunyai kumpulan *think tank*. JKM juga mempunyai pasukan tersebut tetapi secara ad-hoc. Kemungkinan JKM perlu juga menubuhkan pasukan *think tank* yang kekal bagi melaksanakan pelbagai kajian dan penilaian keatas semua perkhidmatan, program dan penstrukturan JKM masa hadapan.

#### Shahrul Rozat - RP4

Bagaimanakah kita dapat melihat kakitangan yang mempunyai kompetensi ditempatkan di pejabat atau seting yang sesuai. Dilihat juga kesukaran pegawai lama yang mempunyai kelulusan dinaikkan pangkat.

#### Maklum Balas TKP(O)

- JKM sememangnya telah mempunyai *succession plan* dan sentiasa membuat analisa dan ujian personaliti pegawai sebelum membuat penempatan.
- JKM akan melaksanakan SME.
- JKM juga cuba memastikan pegawai kita tidak keluar dari Jabatan melalui KPSSL dan perjawatan baharu JPA.

#### Bidin Awang - Terengganu

Apakah satu asas utama yang boleh dipegang oleh pekerja sosial memandangkan pegawai2 datang dari pelbagai bidang dan sektor.

#### Maklum Balas TKP(O)

Kita boleh menggunakan NOSS, model PAP, CCNCPU, Kompetensi Kerja Sosial sebagai asas pegangan Pekerja Sosial.